



# Cinta Fheng Fheng pada sajak

■ SITI ZUBAIDAH MAT ISA

*Kadang waktu menyilang  
Menghadiahkan sebuah  
pertemuan,  
Namun waktu juga  
memisahkan,  
Pertemuan yang berlalu.*

*Berbolak-balik pertemuan,  
Hanya untuk melepaskan,  
Satu-satunya waktu,  
Di saat tepat.*

*Sekian lama melepaskan,  
Hanya mencari erti sejati,  
Kenangan itu sentiasa segar,  
Indah dalam ingatan.  
Bersama.  
Akhirnya.*

*Nukilan: Fheng Fheng*

Fheng Fheng ketika mendeklamasikan sajak sempena sambutan hari kemerdekaan, Ogos lalu.  
- Foto: KOLEKSI PERIBADI LIM FHENG FHENG

SERING kita mendengar pentas deklamasi puisi, penyampai majoriti dalam kalangan orang Melayu. Jarang kaum Cina kuasai pentas ini.

Atas dasar itu, penulis cuba menghubungi Lim Fheng Fheng, 32. Seorang gadis yang minatnya terhadap penulisan dan deklamasi sajak berbahasa Melayu sehingga dinobatkan juara kebangsaan (kategori bukan Bumiputera).

Memulakan bicara, Fheng Fheng yang tidak kekok bertutur dalam bahasa Melayu mula menghasilkan karya pertama pada usia terlalu muda iaitu 11 tahun.

"Masa tu dalam kelas, tengah bosan dan tak ada apa nak buat, tiba-tiba datang idea nak menulis sajak. Masa tu popular dengan lagu Matahari oleh penyanyi Maya, jadi sajak saya juga bertemakan matahari.

"Balik sekolah, terus tunjuk dekat papa dan papa kata bagus. Saya tak tau pula rupanya dalam diam papa hantar sajak saya masuk majalah," katanya.

Begitulah bermulanya cinta Fheng Fheng terhadap sajak. Namun, hakikatnya ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi kerana bapanya, Dr Lim Swee Tin adalah penulis tersohor.

## Deklamasi sajak hasil tulisan bapa

Bakat mendeklamasi sajak



mula dikesan oleh sasterawan Datuk Abdul Rahman Shaari yang ketika itu bertindak sebagai mentornya pada minggu penulis remaja, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.

"Ketika itu 1999. Dari sini, saya belajar teknik pernafasan, intonasi dan mendeklamasi sajak. Bermula dari sini jugalah, saya mula dipanggil mendeklamasi sajak dengan Jabatan Perpaduan Negara.

"Sejak itu, saya banyak terlibat aktiviti deklamasi sajak. Pada 2001, saya berpeluang mendeklamasi sajak bersama RTM (Radio Televisyen Malaysia) melalui program Anjung Budi sehingga 2007, katanya yang banyak mendeklamasi sajak hasil tulisan bapanya sendiri.

Fheng Fheng juga diberi peluang mendeklamasi sajak secara langsung di kaca televisyen pada 2004.

Menurutnya, pada awalnya pelbagai perasaan wujud, namun kerana niat ingin sampaikan sajak kepada penonton, rasa gementar itu hilang.

"Cuma takut tu tetap ada,

**“Sekarang saya dalam perancangan untuk menerbitkan buku sajak sendiri dan sedang mengumpulkan semua hasil penulisan.”**  
- Fheng Fheng

takut terlupa bait sajak," katanya.

## Rancang hasilkan buku sajak

Di Universiti Putra Malaysia (UPM), Fheng Fheng kembali aktif menyertai Kelab Puisi Cenderawasih dan dari situ dia mula berjinak masuk sayembara deklamasi puisi dan pernah dianugerah Deklamator Terbaik pada 2005.

Fheng Fheng juga pernah dinobatkan johan Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan, peringkat Kuala Lumpur kategori Bukan Bumiputera pada 2008. Tahun itu, lebih manis dia johan kategori sama peringkat kebangsaan.

"Pada mulanya, saya sekadar suka-suka selepas ternampak iklan di surat khabar. Siapa sangka boleh jadi juara," katanya.

Walaupun sibuk sebagai wartawan penyiaran dan pada masa sama melanjutkan pengajian Doktor Falsafah Ekonomi Perniagaan, namun sesekali dia tetap menulis dan mendeklamasi sajak.

Kebanyakan sajak dihasilkan bertemakan cinta dan persahabatan malah ada juga sajak dihasilkan melalui pengalamannya sendiri dan teman sekeliling.

"Terbaharu, saya menggantikan papa mendeklamasi sajak sempena sambutan hari kemerdekaan Bank Rakyat, Ogos lalu. Tahun lalu, saya berduet bersama papa juga sempena hari kemerdekaan.

"Sekarang saya dalam perancangan menerbitkan buku sajak sendiri dan sedang mengumpulkan semua hasil penulisan," katanya.

Menurutnya, dia terdorong menghasilkan buku sajak selepas melihat penyanyi popular, Ana Raffali juga menerbitkan buku sajaknya sendiri.



Fheng (tengah) ketika meraikan majlis perkahwinan salah seorang rakan baiknya.